

LATIHAN PENGUNGSIAN BANGUNAN DI BANGUNAN PEJABAT JABATAN PERDAGANGAN (JP) DAN JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (JTMK)

Tarikh: 31 Julai 2024

Anjuran: Jabatan Perdagangan (JP) dan Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK)

Latihan pengungsian di Bangunan Pejabat JP dan JTMK telah berlangsung pada 31 Julai 2024. Loceng kecemasan dibunyikan pada jam 03.00 petang sehingga 03.15 petang, iaitu selama 15 minit. Kakitangan bergerak dan berkumpul di tempat yang telah ditetapkan. Pengiraan headcount dilakukan oleh ketua blok di setiap tempat berhimpun. Program tamat pada jam 03.30 petang setelah semua peserta bersurai. Jabatan yang terlibat adalah Jabatan Perdagangan (JP) dan Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK). Latihan ini melibatkan kakitangan bagi kedua-dua jabatan.

Berikut adalah maklumat terperinci keterlibatan program latihan kebakaran bagi kedua-dua jabatan:

Lokasi Perhimpunan	Bilangan Kakitangan JP	Bilangan Kakitangan JTMK	Masa Keseluruhan Latihan	Masa Mangsa Keluar Bangunan
Tempat Perhimpunan Kecemasan di Parkir JP dan JTMK	30 orang	15 orang	30 minit	9 minit

Secara keseluruhannya, program ini telah berjaya memberikan pendedahan kepada kakitangan bagi kedua-dua jabatan dalam memberi respons dalam keadaan kecemasan apabila loceng kecemasan berbunyi. Kakitangan menyedari laluan kecemasan yang perlu dilalui seterusnya berkumpul di tempat yang telah ditetapkan mengikut prosedur dan secara teratur.

